

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 30 RABU 26HB. JULAI 1972 1392 جمادي الاخير 14 ربيع PERCHUMA

BARISAN KEHORMATAN PUJA USIA D.Y.M.M. DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemar duli ka-Pekan Belait pada hari Ahad lepas kerana sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-26 di-daerah itu.

Pada pagi hari Ahad itu, Baginda telah menghadiri upacara Perbarisan Kehormatan Hari Keputeraan Baginda di-Padang K.B.R.C., Kuala Belait dan Istiadat Mengadap di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait.

Dalam upacara perbarisan hari

keputeraan Baginda itu, Baginda telah menerima tabek kehormatan dan seterusnya memeriksa perbarisan2 yang di-ambil bahagian oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei, Pasokan Kadet, Peneakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.

Pasokan Meriam Pulis Diraja Brunei telah menembakkan 21 das tembakan ka-udara di-akhir upacara berbarisan tersebut.

Upacara perbarisan bagi Baginda di-Daerah itu telah di-hadiri juga oleh T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; Paduka Ayahanda Baginda, Duli Yang Ter-

(Bersambung di-muka tengah)



Bokti2 kemajuan Daerah Belait yang sungguh menarek

KUALA BELAIT. — Sangatlah mustahak supaya semua raayat dan penduduk, bukan saja dalam daerah malahan di-seluruh negeri sentiasa memberikan kerjasama mereka yang penoh kepada Kerajaan dalam segala usaha untuk kebajikan.

Ini ada-lah untuk membolehkan supaya kejayaan2 akan terus menerus dapat di-nekmati dan di-perluaskan lagi.

Demikian menurut titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Istiadat

Mengadap di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada hari Ahad lepas sempena meraihan hari keputeraan Baginda yang di-adakan di-daerah itu.

Baginda bertitah bahawa dari keadaan di-Daerah Belait, maka dapat-lah di-lihat bokti2 kemajuan yang sungguh menarek terutama sekali di-bidang perusahaan yang menambahkan sumbar2 pendapatan negeri.

Titah Baginda bahawa segala kejayaan di-bidang kemajuan sama ada perkembangan yang di-selenggarakan oleh Kerajaan Baginda mahu pun projek2 ekonomi yang diusahakan oleh sharikat2, semuanya telah dapat di-chapai.

Ini ada-lah kerana suasana yang aman damai hasil dari usaha2 Kerajaan Baginda pada mengambil langkah2 untuk menjamin keselamatan dan keamanan negeri.

"Untuk membolehkan kejayaan2 ini akan terus menerus dapat di-nekmati dan di-perluaskan lagi, maka sangatlah mustahak supaya semua raayat dan penduduk bukan sahaja dalam daerah, malahan di-seluruh negeri sentiasa memberikan kerjasama mereka yang penoh kepada Kerajaan beta dalam segala usaha untuk kebajikan", titah Baginda.

DULI Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh pemerintah perbarisan, ASP Mohammad bin Md. Yusof ketika memeriksa barisan Pulis Diraja di-istiadat perbarisan hari keputeraan baginda yang berlangsung di-Pekan Belait pada hari Ahad lepas.

PENAROHAN KERETA BERBAYAR MULAI 1HB. SEPT. INI

KAMPONG ANGGEREK DESA. — Mulai 1hb. September ini, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan akan melaksanakan satu peraturan bagi penarohan kereta berbayar.


Ini bermaksud bahawa kereta2 yang di-letakkan di-tempat2 penarohan di-dalam bandaran akan dikenakan bayaran yang tertentu dalam tempoh2 yang di-tentukan.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, peratoran itu ada-lah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan kereta di-kawasan2 yang selalu di-kunjongi seperti pasar, kedai2 dan sa-umpamanya.

Beliau mengumumkan demikian dalam ucapan-nya ketika merasmikan perlawanan lumba bernang di-Kolam Bernang Lembaga Bandaran di-Kampung Anggerek Desa pada petang hari Ahad lepas.

Dato Paduka Awang Hj. Abdul Aziz berkata, peratoran itu juga akan memberikan satu kesempatan yang sangat di-perlukan oleh pemandu2 kereta terutama sekali bagi mereka yang akan "mambalibali" atau "basampat sampatan" yang kerap kali "baliun-liun meng-unjar" tempat penarohan.

(Lihat muka 8)



Peraduan berchuchul rumah2 Kampong Ayer: Kg. Setia di-pilih sa-bagai kg. terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kampong Setia di-Kampong Ayer telah di-ishtiharkan sa-bagai kampong yang terbaik sekali dalam peraduan berchuchul rumah2 kerana meraiikan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tahun ini.

Dengan kejayaan itu, Kampong Setia telah memenangi perisai yang di-hadiahkan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa, Penasehat

Umum Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan.

Demikian telah di-umumkan dalam Istiadat Penyampaian Hadiah2 kepada pemenang2 peraduan2 berchuchul rumah2, perarakan laut, tanglong berjalan kaki dan kereta berhias siang dan malam, berchuchol bangunan2 dan pintu2 gerbang yang berlangsung di-Pentas Diraja, di-Padang Besar Bandar Seri Begawan malam hari Jumaat lepas.

Hadiah2 kepada pemenang2 itu telah di-sampaikan oleh Yang Amat



Mulia Pengiran Putera Negara, Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin.

Berikut ia-lah keputusan dalam peraduan2 tersebut.

PERARAKAN LAUT BAHAGIAN MINYAK TANAH: Pertama — Persatuan Pandai Besi; kedua — Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah, Kg. Tamoi; ketiga — Ikatan Kampong Lurong Sikuna (IKLS).

PERARAKAN LAUT BAHAGIAN GENERATOR: Pertama — Awg. Mustapa bin Haji Mohammad, Kg. Saba Darat; kedua — Haji Md. Zain bin Abd. Kadir, Kg. Kota Batu; ketiga — Awg. Samat bin Japar, Kg. Burong Pingai Ayer. Hadiah2 sagu hati — Awg. Ismail bin Abd. Razak, Kg. Saba Tengah.

CHUCHOL RUMAH2 BAHAGIAN MINYAK TANAH: Pertama — Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah, Kg. Tamoi Tengah; kedua — Awang Masri bin Raub, Kg. Saba Darat; ketiga — Awg. Omar bin Abd. Rahman, Kg. Burong Pingai.

Hadiah2 sagu hati: Pengarah Hj. Ja'far bin Ja'far, Kg. Setia; Awg. Raini bin Hussain, Kg. Burong Pingai; Awg. Md. Sapor bin Metali, Kg. Saba 'A'; Awang, Idris bin Lingga, Kg. Ujong Kelinik; Awg. Haji Abd. Hamid bin Damit, Kg. Sungai Pandan dan Awg. Haji Jamudin bin Jambol, Kg. Ujong Kelinik.

BERCHUCHOL RUMAH2 BAHAGIAN GENERATOR: Pertama Pateh Hj. Masri bin Ismail, Kg. Setia; kedua Che'gu Mohidi bin Haji Besi, Kg. Setia; ketiga — Haji Bolhaji bin Tajuddin, Kg. Setia.

Hadiah2 sagu hati: Hj. Ismail bin Osman, Kg. Saba Darat 'A'; Awg. Mustafa bin Mohammad, Kg. Saba Darat 'A'; Pengarah Omarali, Kg. Saba Darat 'A'; Abd. Samad bin Abd. Rahman, Kg. Pg. Bendahara Lama dan Pengarah Haji Mokti bin Metussin, Kg. Saba Tengah.

BERCHUCHOL RUMAH2 BAHAGIAN LETRIK KERAJAAN: Pertama — Ak. Mohd. Ja'far bin Pg. Damit, Kg. Kuala Peminyak; kedua — Awang Abd. Rahman bin Ismail, Pg. Ujong Tanjong; ketiga — Pg. Haji Tajuddin bin Pg. Besar, Kg. Kuala Peminyak.

Hadiah2 sagu hati: Awang Liman bin Hamid (Kumpulan 4B), Kg. Ujong Tanjong; Awg. Mohd. Taha bin Hitam, Kg. Ujong Tanjong dan Ak. Rabaha bin Pg. Md. Said.

KERETA BERTIAS (SIANG): Pertama — Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan; kedua — Jabatan Kerja Raya Bahagian workshop dan ketiga — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Keputusan2 perarakan kereta, basikal berhias dan tanglong

Hadiah2 sagu hati: Jabatan Tali-kom, Jabatan Daerah Brunei-Muara, Pertubuhan Perumpulan Perempuan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Persatuan Orang2 China Daerah Brunei-Muara dan Jabatan Pertanian.

KERETA BERTIAS (MALAM): Pertama — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan; kedua Jabatan Kerja Raya Bahagian Workshop dan ketiga Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan.

Hadiah2 sagu hati: Pertubuhan Perumpulan Perempuan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Daerah Brunei-Muara, Jabatan Tali-kom, Jabatan Pertanian dan Persatuan Orang2 China Daerah Brunei-Muara.

kiah; kedua — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan ketiga — Sekolah Menengah Melayu SMJA (Laki2).

Hadiah2 sagu hati: Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan; Maktab Melayu Paduka Seri Be-wan Sultan; Sekolah Pertukangan Bangunan; Sekolah Inggeris Berakas; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Bahagian Sekolah2 Rendah: Pertama — Sekolah Melayu Sultan Lama; S.M. Lela Menchanai dan ketiga Sekolah Chong Hwa.

Hadiah2 sagu hati: Gabungan Sekolah Amar Pahlawan; Sekolah Ugama Lurong Dalam; Sekolah Melayu Gadong; Sekolah Melayu



Basikal berhias kepunyaan Awang Mustapha bin Haji Muhammad yang telah mendapat tempat pertama dalam perarakan tersebut.

BASIKAL BERTIAS (SIANG): Pertama — Awg. Mustapha bin Muhammad; kedua — Awg. Md. Safar bin Metali dan ketiga — Ak. Roslee bin Pg. Metussin.

Hadiah2 sagu hati: Awg. Ismail bin Abd. Razak dan Awg. Apong bin Laman.

BASIKAL BERTIAS (MALAM): Pertama — Awg. Mustapha bin Muhammad; kedua — Awg. Ismail bin Abd. Razak dan ketiga Ak. Roslee bin Pg. Metussin.

Hadiah2 sagu hati: Awg. Apong bin Laman.

PERARAKAN TANGLONG BERJALAN KAKI

Bahagian Sekolah2 Menengah dan Maktab2: Pertama Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bol-

Dato Gandhi dan Sekolah Melayu Burong Pingai Ayer.

Bahagian Kampong2: Pertama — Kampong Tamoi Tengah; kedua — Kampong Pintu Malim; Ketiga — Kampong Tamoi Ujong.

Hadiah2 sagu hati: Kampong Lurong Dalam; Kampong Subok; Kampong Pekan Muara Bgh. 'B'; Kampong Junjongan dan Kampong Ujong Tanjong.

Bahagian Persatuan2 Belia dan Kebajikan: Pertama — Ikatan Setia Pahlawan (INSAP); kedua — Persatuan IKLS dan ketiga — Persatuan Kebajikan Mufakat Ayer (KEMUKA).

Hadiah2 sagu hati: Persatuan Pandai Besi; Persatuan Kg. Kota

AWANG Zakaria bin Haji Ahmad, wakil dari Daerah Brunei-Muara telah menjadi johan dalam perlawanan kuntau seluruh negeri, sementara Awang Umbu bin Ahmad, wakil dari Daerah Belait munchol sa-bagai johan dalam perlawanan silat.

Perlawanan2 silat dan kuntau perengkat negeri itu telah di-adakan di-Istana Darul Hana Bandar Seri Begawan pada 15hb. Julai yang lalu ia-itu sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-26 tahun.

Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey sedang menyampaikan perisai kepada johan kuntau, Awang Zakaria bin Haji Ahmad.

Batu (PERKOTA); Persatuan PERTIWI; Persatuan PERKA dan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

KEPUTUSAN PERADUAN PINTU GERBANG JALAN

Pintu Gerbang Jalan: Pertama Penghulu2 dan Ketua2 Kampong; kedua — Persatuan Orang2 Tiong Hwa dan ketiga — Persatuan Orang India.

Pintu Gerbang Kawasan: Pertama — Jabatan Perubatan dan Kesihatan; kedua — Klinik Haiwan, Jabatan Pertanian dan ketiga — Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Hadiah2 sagu hati: Surohanjaya Perkhidmatan Awam; Jabatan Penjara; Pejabat Daerah Brunei-Muara dan Jabatan Pelajaran.

Berchuchol Bangunan2: Pertama — Pusat Pemulihan Negara; kedua — The Chartered Bank dan ketiga — Brunei Hotel.

Berchuchol Kedai2: Pertama — Chop Bee Seng, Jalan Roberts; kedua — Sharikat Hasrah, Jalan Sultan dan ketiga — George Ah Foot, Jalan Chevalier.

Berchuchol Rumah2: Awg. Ahmad bin Haji Ghani, Jalan Tutong; Awg. kedua — Md. Yusof bin Haji Mastan, Jalan Kota Batu; dan ketiga — Awg. Ahmad bin Bujang, Jalan Sekolah.

Hadiah2 sagu hati: Awg. Basuni bin Ja'far, Jalan Tutong; Pg. Salleh bin Pg. Besar, Jalan Muara; Haji Tengah bin Hashim, Jalan Kota Batu dan Haji Abdul Rahman bin Yakob, Jalan Kota Batu.

Daerah Brunei-Muara muncih sa-bagai daerah yang terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN.—Awg. Abd. Rashid bin Abd. Rahman dan Dk. Salbiah binte Pg. Mohammad Salleh, kedua2-nya wakil dari Daerah Brunei-Muara, masing2 telah menjadi johan dalam pertandingan membaca Quran sekolah2 Uqama sa-negeri yang telah di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada minggu lepas.

Pemenang kedua dalam pertandingan membaca Quran bahagian lelaki ia-lah Awg. Jumabat bin Jamaluddin, peserta dari Daerah Tutong dan pemenang ketiga ia-lah Awg. Haji Umar bin Haji Pauzan, peserta dari Daerah Belait.

Dayang Zariah binte Ahmad, peserta dari Daerah Belait dan Dayang Hamidah binte Haji Abdul Malek, peserta dari Daerah Tutong, masing2 mendapat tempat kedua dan ketiga dalam pertandingan membaca Quran bahagian perempuan.

Awang Marsal bin Abdul Patah, wakil dari Daerah Tutong telah menjadi johan dalam peraduan sharahan bahagian lelaki. Pemenang kedua ia-lah Awg. Basri bin Mahmud, peserta dari Daerah Belait dan tempat ketiga di-menangi oleh Awg. Borhanuddin bin Metali, peserta dari Daerah Brunei-Muara.

Dalam peraduan sharahan bahagian perempuan, Dayang Hairul-Hani binte Haji Abdul Wahab, peserta dari Daerah Tutong, mendapat tempat pertama, Dayang Rashidah binte Awang Tengah, peserta dari Daerah Brunei-Muara, mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Davang Zaliha binte Zainal Abidin, peserta dari Daerah Temburong.

Daerah Brunei-Muara telah muncih sa-bagai daerah yang terbaik dalam kedua2 pertandingan tersebut.

Pertandingan Membaca Quran dan Sharahan Sekolah2 Uqama Sa-Negeri di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Uqama ia-itu sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Pertandingan itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Puit. Yang Teramat Mulia itu juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan itu.

PADA 9hb. Julai yang lalu suatu gerakan anti kamah di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei telah di-lancarkan untuk membersihkan Bandar Seri Begawan. Gerakan tersebut telah mendapat sambutan dari lebih kurang 500 orang para serta yang terdiri daripada ahli2 persatuan belia dan kebajikan, sekolah2, Jabatan2 Kerajaan, sharikat2 perniagaan dan orang perseorangan. Penyertaan sa-ramai 500 orang dari berbagai golongan masyarakat dan bangsa dalam gerakan tersebut sangat-lah besar artinya dalam usaha2 menanamkan semangat dan kesedaran anti kamah di-kalangan rayat dan penduduk negeri ini.

Kita sa-bagai rayat dan penduduk Negeri Brunei yang kecil ini patut-lah menyedari bahawa untuk membersihkan dan "membisaikan" bandar2 dan kawasan2 tertentu di-negeri ini ada-lah tanggung-jawab kita bersama.

Hal ini pernah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sa-waktu berucap sebelum gerakan anti kamah itu di-lancarkan yang mana antara lain beliau berkata bahawa menurut konsep perkembangan yang moden dan dinamik, suatu projek kemajuan dan usaha pada memajukan sa-sebuah masyarakat tidak akan sempurna dan berfaedah serta memberi kesan yang pupus jika tidak dengan penyertaan rayat. Sa-suatu usaha untuk masyarakat itu hanya akan mendapat kesempurnaan yang pupus jika masyarakat itu sendiri sa-chara langsung champor tangan atau turut-turutan.

"ANTI KAMAH" DARI SUDUT UGAMA ISLAM



KHUTBAH JUMA'AT

"Di-samping kekamahan dzahir, Islam mengambil perhatian berat terhadap kekamahan bathin"

Di-tinjau dari sudut Uqama Islam gerakan anti kamah itu ada-lah sangat2 di-galakkan oleh Islam. Malahan kebersehan atau usaha2 untuk kebersehan itu ada-lah berhubung langsung dengan iman sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: **"Kebersehan itu ada-lah sa-bahagian daripada iman"**.

Arti-nya orang Islam yang mengabaikan dan tidak mengambil berat tentang kebersehan ada-lah di-anggap kurang iman. Sebab itu-lah di-dalam hukum2 Uqama Islam banyak kita dapati surohan supaya

bersuchi saperti membersehi gigi, mengambil ayer sembahyang, mandi junub dan sa-bagai-nya. Malahan kita umat Islam ada-lah di-galakkan supaya memakai pakaian yang baik2 dan bersehi, memakan dan minum, atau mengguna dan menekmati barang2 yang baik, bersehi dan halal asalkan tidak berlebeh2-an dan melampaui batas. Kita juga ada-lah di-galakkan saperti memakmorkan dan memajukan bumi Allah ini sesuai dengan ajaran2 Uqama Islam termasuk-lah untuk membersehi segala kekotoran dan kamah yang bukan sahaja boleh mendatangkan bahaya2 penyakit kapada penghuni2-nya malahan ada-lah tidak bersesuaian dengan tabi'at sa-mula jadi manusia, kerana barang yang kamah itu pada lazim-nya tidak-lah di-gemari oleh mereka.

Di-samping kekamahan dzahir itu, Uqama Islam lebeh2 lagi mengambil perhatian yang berat terhadap kekamahan bathin, baik dari segi iktikad dan keperchayaan, dari segi akhlak dan perbuatan, mau pun dari segi ibadat dan lain2.

Kekamahan dari segi iktikad dan keperchayaan ia-lah kufur dan shirik yang di-ben-tas habis2an oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam zaman permulaan Islam. Kekamahan dari segi akhlak dan perbuatan termasuk-lah segala perangai2 dan perbuatan burok dan jahat yang berlawanan dengan ajaran2 Islam. Manakala kekamahan dari segi ibadat pula termasuk-lah melakukan ibadat dengan chara ria atau mengandongi maksud2 lain yang bukan semata2 kerana Allah. Pendek-nya semua-nya itu ada-lah kekamahan yang di-tentang oleh Uqama Islam.

Oleh yang demikian mari-lah kita mengamalkan kebersehan itu di-mana2 dan bila2 masa pun kita berada, bukan hanya terhad kapada diri kita, pakaian dan makanan kita, malahan juga meliputi tempat2 kediaman kita dan kawasan-nya, meliputi kawasan2 kampung dan bandar di-samping memelihara kebersehan bathin, kebersehan akhlak dan perbuatan2 kita.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26hb. Julai 1972 hingga ka-hari Selasa 1hb. Ogos, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
26hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
27hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
28hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
29hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
30hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
31hb.	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58
1hb.	Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

341 orang mendaftar untuk naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 341 orang di-negeri ini telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardhu Haji dengan kapal laut dan kapal terbang dalam musim haji tahun ini.

Sa-orang juruchakap di-Ba-

hagian Haji, Jabatan Hal Ehwal Uqama berkata, sa-ramai 275 dari bakal2 haji itu di-jadualkan pergi dengan kapal terbang, 244 orang dari mereka ia-lah dari Daerah Brunei-Muara; 16 dari Belait dan 12 dari Tutong.

Sa-ramai 66 orang yang menaik kapal laut di-jadualkan bertolak akhir tahun ini. Sa-ramai 61 orang dari mereka ia-lah dari Daerah Brunei-Muara dan lima lain-nya dari Daerah Belait.

26hb. Julai, 1972.

PENAROHAN KERETA BERBAYAR

PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan mengumumkan bahawa satu peratoran bagi penarohan kereta berbayar di bandar akan di-laksanakan pada 1 hariulan September 1972. Ini bermakna bahawa mulai 1 hariulan September ini tuan2 punya kereta yang di-takkan di-tempat penarohan kereta di-bandar seperti di-kawasan pasar dan di-depan2 kedai akan terpaksa membayar mengikut peratoran2 yang tertentu.

Tujuan melaksanakan peratoran ini ada-lah untuk mengurangkan kesesakan kereta di-kawasan2 seperti pasar dan di-depan2 kedai itu dan oleh yang demikian akan memberikan satu kesempatan yang sangat di-perlukan oleh pemandu2 kereta terutama sekali bagi mereka yang akan "membali-bali" atau "bersampat2an" yang kerap kali "balut2" mengunjar tempat penarohan".


Dengan ada-nya peratoran itu nanti, ia-nya akan dapat mengurangkan masalah sesak dan masalah "memajak" yang menjadi satu perkara yang merunsingkan orang2 yang sama2 mempunyai hak dalam perkara penarohan kereta ini.

Langkah ini juga akan dapat mematikan atau pun merupakan satu pengajaran kepada sa-tengah2 peragai yang suka "memeram" kereta di-tempat2 penarohan hingga berjam2 yang langsung tidak memperdulikan kepentingan orang lain.

Dari langkah pehak Lembaga Bandaran ini, mungkin akan timbul tentangan2 yang tidak rasmi ia-itu dari chakap2 luar yang konon-nya tidak berpuas hati terhadap tindakan tersebut. Tetapi kita yakin bahawa tentangan2 itu tidak akan di-timbulkan oleh orang2 yang hanya bertujuan untuk membeli-belah, tetapi akan timbul dari orang2 yang mempunyai kepentingan2 sendiri dan biasa memeram kereta di-tempat2 penarohan di-bandar. Namun demikian, bagi mereka yang suka memeram kereta di-tempat2 penarohan itu dan bagi kereta2 orang2 yang tinggal di-kedai2, maka peratoran bagi mereka tentu ada.

Untuk menekankan ketidakpuasan hati terhadap langkah ini mungkin juga akan di-gunakan orang2 alasan2 dari segi kemakmoran negara dan dari sifat kebajikan. Sungoh pun pada satu segi yang Kerajaan akan menerima bayaran2 itu, tetapi dari segi yang lain yang amat mustahak ia-lah soal menyenangkan orang ramai dalam soal menaruh kereta yang menjadi masalah besar berikutan dengan bertambah-nya kereta2 sekarang ini. Tentang sifat kebajikan itu bukan-lah tujuan-nya hanya berkebajikan kepada sa-gelintir orang sahaja, tetapi ada-lah bagi orang yang banyak yang sama2 berkepentingan.

Kerana itu, langkah tersebut ada-lah di-alu2kan bagi kepentingan kita bersama.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika memeriksa perbarisan kehormatan kerana sambutan Puja Usia Baginda yang ke-26 di-Daerah Belait. Perbarisan itu di-langsungkan di-Padang K.B.R.C. Kuala Belait di-bawah perintah ASP Mohammad bin Md. Yusof, (di-sa-belah kanan mengiringi Baginda).



Dari atas land-rover khas, Baginda telah memeriksa perbarisan yang terdiri dari pasukan Kadet, Pengakap, Pandu Puteri dan Pa'ang Merah.



D.Y.M.M. kelihatan sedang menerima ucapan keshukoran dan ikrar taat setia dari penduduk2 Daerah Belait yang di-sembahkan oleh wakil mereka, Yang Berhormat Awang Haji Sapawi bin Metassim.

Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar ketika berdatang sembah keshukoran dan ikrar taat setia pegawai2 Kerajaan dan penduduk Daerah Belait. Dudok dari depan ia-lah T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei; Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara; dan Y.D.M. Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Utama Awang Haji Ismail.

DI-SEKITAR SAMBUTAN PUJA USIA D.Y.M.M. YANG KE-26 DI-DAERAH BELAIT

(Dari muka 1)
amat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin; Perasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; Ahli2 Yang Ber-

hormat; ketua2 puak dan kaum di-daerah itu.

Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei dan Pegawai Pemerintah Pasukan Ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles telah juga hadir dalam istiadat itu.

Perbarisan kehormatan itu telah di-jalankan di-bawah perintah ASP. Mohammad bin Md. Yusof.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat ka-daerah itu dengan menaiki dua buah helikopter Askar Melayu Diraja Brunei dan telah mendarat di-Padang Kechil, Jalan Panglima.

Baginda dan rombongan dengan menaiki kenderaan khas berangkat menuju ka-Padang K.B.R.C.

Di-sepanjang jalan dari simpang Jalan Panglima itu, Baginda telah di-alu2kan oleh barisan kanak2 sekolah dengan meletakkan bendera Brunei dan Baginda telah membalas-nya dengan gembira.

Beribu2 raayat di-Daerah Belait termasuk dari kampung2 pendalaman di-sekitar daerah itu telah membanjiri Kuala Belait kerana menyaksikan istiadat perbarisan tersebut dan saterus-nya menyaksikan perayaan2 yang di-adakan di-sana kerana puja usia Baginda.

Di-Dewan Kemasyarakatan pula, Baginda telah menerima ucapan2 keshukoran yang tidak di-bachakan dari wakil penduduk2 Daerah Belait, wakil orang2 Tiong-Hwa, wakil penuntut2 dan murid2 sekolah dan pertubuhan pengakap di-daerah itu.

Di-istiadat mengadap itu, Baginda juga telah mendengar sembah keshukoran dan taat setia yang tidak berbelah bahagian kepada Baginda dan negara dari Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Hj. Abu Bakar bin Pg. Omar.

Dalam sembah itu, Pegawai Daerah Belait antara lain telah menyebutkan beberapa kemajuan dalam ranchangan2 kemajuan yang di-adakan di-daerah itu termasuk penghasilan minyak dan gas. (Petikan sembah beliau itu di-siarkan di-muka 8).

Dalam istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah. (Titah Baginda di-siarkan di-muka 1).




Dari Pentas Diraja yang di-bena khas di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait, Baginda telah mengikuti sembah keshukoran dan ikrar taat setia pegawai2 Kerajaan dan raayat Baginda di-daerah itu melalui wakil mereka, Yang Amat Mulia Pg. Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pg. Omar, Pegawai Daerah Belait. Kelihatan duduk di-sa-belah kanan Baginda ia-lah ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.



Duli Yang Maha Mulia ketika membalas tabek kehormatan di-istiadat Perbarisan kerana sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Daerah Belait pada pagi hari Ahad lepas di-Padang K.B.R.C., Kuala Belait.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan bersama2 dengan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir (kanan) dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey (kiri sekali) ketiga berangkat dari Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait sa-lepas Istiadat Mengadap. Kelihatan Y.A.M. Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Daerah Belait sedang mengiringkan tetamu2 kehormat itu.

Di-bangunan kedai berhadapan dengan Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait, orang ramai kelihatan sedang menunggu ketibaan Baginda ka-Istiadat Mengadap di-dewan tersebut. Beberapa saat sa-belum Baginda tiba, kawasan ini kelihatan di-penuh sesaki oleh orang ramai dari berbilang bangsa.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika berangkat meninggalkan Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait sa-telah sempurna terkahsa Istiadat Mengadap.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemereksa Buroh dan Pen. Pemereksa Buroh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berke-layakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Buroh, Brunei.

1. PEMEREKSA BUKAH:

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2-nya berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun dan mesti-lah sama ada:-

- telah berkhidmat sa-lama 5 tahun sa-lepas di-tetapkan dalam jawatan Penolong Pemereksa Buroh; atau
- telah tamat dengan mendapat kejayaan dalam sesuatu kursus pendidikan tinggi yang tempoh-nya tidak kurang dari 2 tahun yang melayakan dia memasoki peperiksaan bagi mendapatkan ijazah 'am, diploma, atau kelayakan yang sa-banding dalam jurusan undang2 economics industrial relations atau pun salah satu mata pelajaran social science daripada Universiti2 Singapura atau Malaysia atau lain2 badan pengajian tinggi yang diiktiraf atau sesuatu badan iktisad; atau
- mempunyai Sijil Pelajaran tinggi dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Inggeris atau telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah berkhidmat sa-lama tiga tahun sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan Division III dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
- mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris atau telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah menamatkan sama ada:-
 - Lima tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkai dalam sesuatu jawatan dalam Division III dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
 - Tujuh tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Gaji:
Dalam sukatan gaji C 2 — \$710x30-950.

2. PENOLONG PEMEREKSA BUKAH:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2-nya berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan mesti-lah sama ada:-

- mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Inggeris, atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau
- mempunyai Sijil Rendah dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding, dan telah menamatkan sama ada:-
 - Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
 - Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
 - Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubungan industri atau pengu-rusan personnel.

Semua chalu2 hendak-lah faham dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh bertutur sekurang2-nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memereksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubungan2 industri, pendaftaran kesatuan2 sa-kerja dan lain2 perkara yang menjadi tanggung-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menjalankan penyiasatan, menyiasat dan, jika perlu, menda'awa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; mendamaikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji, pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluruhannya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290 x 15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalu2 yang berjaya yang bu-

kan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Bakiss:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantik sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 9hb. Ogos, 1972.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:

1. PENSHARAH UGAMA (1 jawatan)

Kelayakan2:

- Umur di-antara 18 hingga 30 tahun;
- Mesti-lah sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia dan mempunyai Sijil Darjah VI Ugama; atau
- Guru2 Ugama Terlatih yang telah berkhidmat sekurang2-nya dalam 5 tahun boleh juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang pernah menghadhiri kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

2. PENOLONG SETIA USAHA ZAKAT DAN FITRAH (3 jawatan)

Kelayakan2:

- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran, termasuk lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab, dan Darjah VI Ugama.

Chalu2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 40 tahun dan bersedia untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENGAWAS MESJID TINGKATAN II (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 40 tahun dan lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan sa-baik2-nya Darjah VI Sekolah Ugama. Mereka mesti-lah mempunyai pengetahuan hal ehwal letrik dan pemeliharaan bangunan2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — \$410x20-510.

Sa-bagai Imam, Bilal, Merbut

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat DYMM Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Senaut, Tutong.

b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Keriam, Tutong.

c) MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam Kuala Belait.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Farzu Kepadah bila2 masa dikehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 21hb. Ogos, 1972.

Peserta dari H.K. menangi Piala DYMM

BERAKAS. — Ken Tomsett dari Angkatan Tentera Udara Diraja British, Hong Kong telah memenangi Piala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam perlumbaan Go-Kart Antara Bangsa Brunei kali yang kelima yang telah di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada minggu lalu.

Sa-bagai tambahan Ken Tomsett juga menerima wang tunai sa-banyak \$2,000.

Dalam perlumbaan yang di-jalankan dalam dua bahagian — 30 pusingan tiap2 satu bahagian itu, Harry Toh dari Republik Singapura mendapat tempat kedua dan Lim Chin Choon juga dari Republik Singapura memenangi tempat ketiga.

Eric Vennel, Fred Da Costa dan Toni Jacques — kesemua-nya peserta dari Brunei ma-

sing2 mendapat tempat keempat, kelima dan keenam.

Dalam perlumbaan bagi merebut Piala Puspa, Ken Tomsett telah berjaya memenangi piala tersebut. Tempat kedua di-menangi oleh Toni Jacques dan pemegang ketiga ia-lah Awang Kifli — kedua2-nya dari Brunei.

Dalam perlumbaan kelas satu — 15 pusingan bagi kereta2 go-kart yang mempunyai tenaga ka-atas 100 c.c., Ken Tomsett mendapat tempat pertama, John Will dari Brunei mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Fred Rov juga dari Brunei.

Dalam perlumbaan kelas dua sa-banyak 15 pusingan bagi kereta go-kart yang bertenaga tidak melebihi 200 c.c., Stephen Kam dari Republik Singapura mendapat tempat pertama, Toni Jacques dan Ken Johnson masing2 mendapat tempat kedua dan ketiga.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 70/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Puteh @ Abd. Lamit bin Duraman, d/a Pengarah Haji Metussin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Taisah bte. Lamit @ Abdul Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 29 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan Julai, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 71/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Jelimah bte. Ahmad, d/a No. Rumah 5, Kampong Kia-rong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 29 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan Julai, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 72/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Besar bin Pengiran Ahmad, d/a Batu 1, Jalan Tutong.

Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Dayang Mariam bte. Awg. Othman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 29 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan Julai, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. TEM/LO/7/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tan Kok Voon @ Chen Yu Soo, c/o No. Shop 5, Pekan Bangar, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tan Ah Yun yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 29 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan Julai, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. TEM/LO/6/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Nuri bte. Kamis, c/o Kampong Rataie, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Rajab bin Burut yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu (isteri) kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 29 haribulan Julai, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan Julai, 1972.

ADMINISTRATION SUIT No. 73 OF 1972.

Application to this Court having been made by I. Lim See Seng and Yong Kim Chee of Yong, Wong & Chin, P.O. Box 615, Bandar Seri Begawan, State of Brunei

for Letters of Administration to the estate and effects of Tan Chin Chia late of 1095, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Brunei deceased, on the ground that Executrix is lawful First and Second wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 29th day of July, 1972, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei before the above date.

Dated this 19th day of July, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN2 KOSONG.

Sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untok di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II. Pemohon2 bagi jawatan tersebut mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun perkhidmatan sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas.

Sa-seorang pegawai hendaklah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan ber-

sama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dengan menyatakan tugas2 yang di-buat oleh pegawai itu dan kesesuaian-nya untok di-naikkan pangkat, serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pejabat ini dan mesti-lah disampaikan kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 15hb. Ogos, 1972. Permohonan2 yang di-terima sa-sudah tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:


Chalon2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sabbanding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/ EXAM BAR/350x15-380-410 x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 15hb. Ogos.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



RAAYAT DAERAH BELAIT BERAZAM UTK. TINGKIKAN TINGKATAN KESEJAHTERAAN

KUALA BELAIT. — Pegawai2 Kerajaan, raayat dan penduduk di-Daerah Belait berazam untuk meninggikan lagi tingkatan kesejahteraan dan keamanan dan keharmonian di-samping menekankan ikrar taat setia mereka yang tidak berbelah-bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Mereka berikrar akan sentiasa menjunjung, mengusahakan dan memperbaiki segala daya usaha untuk meninggikan lagi taraf Kerajaan dan penghidupan raayat istimewa kepada jalan ilmu pengetahuan untuk anak2 sa-bagai raayat yang akan berfaedah dan bertanggung-jawab di-masa akan datang.

Demikian yang telah di-sembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar yang mewakili pegawai2 kerajaan dan raayat di-daerah itu.

Beliau menyembahkan azam dan ikrar itu di-Istiadat Mengadap di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada hari Ahad lepas di-hadapan Baginda dengan di-hadiri sama oleh pemimpin2 negara termasuk Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Yang Amat Mulia itu menyembahkan tentang darjah pentadbiran di-daerah itu yang menurut beliau telah semakin bertambah baik dan di-tambah pula dengan dorongan titah Baginda kepada pegawai2 yang berkenaan.

"Saling mengerti serta faham memahami antara pegawai2 Kerajaan di-daerah ini ada-lah prinsip yang menjayakan segala daya usaha Kerajaan bagi memberi layanan dan kemudahan penduduk2 di-daerah ini", sembah beliau.

Yang Amat Mulia itu seterusnya menyembahkan bahawa Kerajaan telah dan sedang berusaha bagi menjaga dan mengawal kesihatan penduduk2 dengan mendirikan sa-buah rumah sakit yang moden sa-lain dari memberikan perkhidmatan "flying doctor" di-daerah itu.

"Kerajaan Duli Tuan Patek juga telah dapat mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kesentosaan di-Daerah ini dengan mengadakan pengawalan2 tentera sama ada di-perayeraan daerah mahu pun di-hutan rimba-nya", sembah Yang Amat Mulia itu.

Dalam pengawalan dan menukainya kerjasamanya ini, Yang Amat Mulia itu menyembahkan bahawa pegawai2 Kerajaan di-Daerah Belait tidak akan terlupa terhadap titah Baginda supaya pegawai2 yang berkenaan berhubung ka-kampong2 pendalaman.

Mengenai dengan penghasilan minyak pula, Yang Amat Mulia itu menyembahkan keshukoran raayat di-daerah itu khas-nya dan seluruh negeri ini am-nya atas usaha bersama di-antara Kerajaan Baginda dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad membuka satu pangkalan minyak di-Seria.

Dengan ada-nya pangkalan minyak itu, sembah beliau, maka sudah barang tentu-lah hasil minyak negeri ini akan bertambah mak-mor.

"Tambah pula tidak berapa lama lagi projek gas chachair asli di-Lumut akan memberi sum-bangan besar kepada penghasilan minyak Negeri Brunei dan hasil itu sudah tentu akan memberi peluang2 pekerjaan untuk raayat", sembah Pegawai Daerah Belait itu.

Penarohan berbayar utk. mengurangkan kesesakan kereta

(Dari muka 1)

"Saya harap dan perchaya susunan penarohan kereta yang berbayar ini akan dapat mencapai matlamat-nya dan mendapat kerjasama dari semua yang berkaitan, khusus-nya pemandu2 kereta", ujar beliau.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz juga menekankan bahawa langkah tersebut ada-lah mendukung kepada hasrat Kerajaan D.Y.M.M. yang akan terus memikirkan, merancang dan melaksanakan antara-nya projek2 yang berupa kemudahan2 demi untuk membawakan kesenangan dan ke-celokan untuk raayat dan penduduk negeri ini.

Menyebut mengenai kolam bernang itu, beliau menekankan bahawa dengan kemudahan itu akan membolehkan penduduk2 yang gemar kepada lapangan bernang untuk menggunakan-nya sama ada bagi faedah2 yang tertentu, mahu pun hanya sa-bagai satu kechen-derongan.

Lumba bernang 24 jam itu, katanya, ada-lah merupakan hasil la-teman2 bernang dari kolam bernang itu khusus-nya.

Dengan itu, kata-nya lagi, maka perbelanjaan yang beratus2 ribu ringgit untuk membena kolam bernang itu tidak sia2, tetapi telah dapat di-buktikan dengan hasil yang memuaskan.

Di-samping itu beliau juga telah menyentoh tentang rancangan pembenaan Stadium Brunei yang perbelanjaan-nya nanti di-sertai oleh raayat menerusi derma2.

Kata-nya, kita sama2 menjunjung serta mengalu2kan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya sa-buah stadium di-bena oleh raayat dan Kerajaan Baginda sa-bagai satu tanda kenangan persembahan keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei baru2 ini.

"Stadium yang di-titahkan itu bukan sahaja akan melambangkan penyertaan bersama raayat dan Kerajaan D.Y.M.M. Baginda Sultan bahkan akan memberikan suatu kemudahan sokan yang luas, sempurna dan bertaraf untuk raayat dan penduduk negeri ini", tegas beliau.



GAMBAR atas menunjukkan Datin Rosnah bte. Abdullah, isteri Yang Berhormat Penasehat Umum Kebawah DYMM Al-Sultan ketika memotong pita bagi merasmikan pembukaan Pameran Hasil Kerja Tangan Pelajar Kelas2 Dewasa yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Puser Uak Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Pameran tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Kelas Dewasa sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan puja usia D.Y.M.M.

Kejohanan Tinju Tiga Wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Kejohanan Tinju antara tiga wilayah — Sabah, Sarawak dan Brunei akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Sabtu 29hb. Julai mulai jam 8.00 malam.

Brunei akan di-wakili oleh 16 orang peserta. Mereka ia-lah Sgt. Yunus, Pte. Ahad, Cpl. Awangku Zaini, Pte. Asud, Cpl. Haji Abdul Rahman, Pte. Karim, Pte. Masri, Sgt. Timbang kesemua-nya dari Askar Melayu Diraja Brunei, Suhaili Aspar, Suhaili Ahmad, Tassim Bustamam, Ramlee Haji Bakar, Ins. Walter Boyd kesemua-nya dari Pulis Diraja Brunei. Hj. Raub dan Terrance Boyd.

Dalam kejohanan itu satu perlawanan khas antara P. Litherland, johan kanak2 sekolah seluruh England dengan Awang Alias Rahman, johan kanak2 Sekolah seluruh Brunei.

Masok menyaksikan perlawanan2 tersebut ada-lah dengan tiket.

Hadhiri sidang Guru2 Sa Dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Abdul Razak bin Mohamad, Setiausaha Perhubungan Luar P.G.G.M.B. di-jadualkan ka-United Kingdom pada hari ini untuk menghadiri persidangan Guru2 Sa-Dunia di-London.

Persidangan yang di-adakan selama 12 hari mulai 1hb. Ogos itu telah di-anjarkan oleh Kesatuan Persekutuan Guru2 sa-Dunia di-London.

Sementara itu, Setiausaha Agong P.G.G.M.B., Awang Umar bin Muhamad yang juga turut menghadiri persidangan itu telah berlepas ka-London baru2 ini.

Sa-lama berada di-London mereka juga akan membuat lawatan ka-berbagai sekolah di-sana.

MINGGU KERJA PENGAKAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengakap2 dan anak2 serigala ("cubs") di-seluruh Negeri Brunei akan mengadakan Minggu Kerja mereka pada tahun ini mulai pada 27hb Julai hingga 2hb. Ogos.

Sa-masa di-adakan Minggu Kerja itu, mereka akan melawat ka-rumah2, sharikat2 perniagaan dan ka-lain2 tempat untuk membuat kerja sa-chara sukarela dan berharap akan dapat menerima bayaran atas kerja2 yang di-laksanakan itu.

Pengakap2 dan anak2 serigala itu akan membawa bersama2 mereka kad2 kerja dan orang ramai ada-lah di-minta menchatet dalam kad2 kerja itu bayaran yang diberikan atas kerja2 yang di-laksanakan itu.

PASOKAN Brunei telah berjaya mengalahkan pasokan Sarawak dengan 213 mata da'am perlawanan kerikik antara wilayah yang telah di-adakan pada minggu lalu.

Perlawanan pusingan pertama bagi merebut Piala Davidson itu telah di-adakan di-padang Perkhemahan AMDB, Berakas.

Brunei memperolehi 98 dan 241 mata sementara Sarawak memperolehi 47 dan 79 mata.

Dengan kemenangan itu Brunei akan menemui pemegang piala tersebut — Sabah — dalam perlawanan akhir yang akan di-adakan di-Kota Kinabalu pada 5hb. dan 6hb. Ogos hadapan.

Gambar bawah menunjukkan pemain2 pasokan Brunei dan Sarawak bergambar ramai sa-belum memulakan perlawanan.

